

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR. EWON EBIN [RANAU]

SOALAN :

YB Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- a) berikutan dengan penurunan harga minyak mentah, berapakah anggaran atau unjuran jumlah pendapatan Kerajaan daripada PETRONAS dalam tempoh 5 tahun akan datang; dan
- b) apakah sumber alternatif kewangan Kerajaan berikutan dengan penurunan sumber kewangan daripada PETRONAS.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penurunan harga minyak mentah global turut memberi kesan langsung kepada PETRONAS sama seperti kesan kepada syarikat-syarikat minyak antarabangsa yang lain. Bagi tempoh kewangan 6 bulan berakhir 30 Jun 2016, harga minyak mentah antarabangsa "*Dated Brent*" telah menurun sebanyak 31% berbanding dengan tempoh kewangan 6 bulan berakhir 30 Jun 2015. Ini menyebabkan keuntungan selepas cukai Kumpulan PETRONAS turut menurun sebanyak 27% bagi tempoh yang sama. Oleh itu, adalah munasabah sekiranya kita membuat kesimpulan bahawa pendapatan Kerajaan daripada PETRONAS pada masa akan datang akan turut bergantung kepada situasi harga minyak mentah antarabangsa yang sentiasa berubah-ubah.

Kerajaan juga telah mempelbagaikan sumber hasil pendapatan negara antaranya dengan memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi menampung penurunan sumber kewangan daripada PETRONAS. Langkah ini telah membantu mengurangkan kebergantungan hasil negara daripada sektor minyak dan gas sebanyak 41.3% pada tahun 2009 kepada 14.6% pada tahun 2016.

Sekian, terima kasih.

November 2016